

PM: Buniyamin merasa bersalah sehingga terpaksa bersembunyi

UM 17 AUG 2002

MARANG 16 Ogos.— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, bekas anggota Parlimen Bachok, Buniyamin Yaakob kini menyembunyikan diri setelah dicari oleh polis kerana sedar telah melakukan dosa besar kerana memfitnahnya menonton video lucu bersama cucu.

Menurut Perdana Menteri, Buniyamin kini merasa bersalah dengan pemboghongan yang dilakukannya sehingga terpaksa bersembunyi.

Beliau menegaskan bahawa tindakan Buniyamin itu cukup memberikan gambaran sebenar parti Pas yang membenarkan ahli dan pemimpin mereka berbohong serta menyebarkan fitnah kepada rakyat.

“Sebab itu Buniyamin cukup berani di hadapan orang kononnya saya lihat gambar lucu dengan cucu saya. Apa bukti saya berbuat demikian? Kalau ada bukti sila datang beri keterangan kepada pihak polis.

“Kenapa lari...kerana kamu (Buniyamin) tahu kamu berbohong. Jika tidak RTM tunjuk pita rakaman, orang tidak tahu pemboghongan Pas kepada penyokong dan orang kampung,” katanya.

Beliau menyatakan demikian semasa berucap merasmikan Konvensyen Barisan Nasional dan Perhimpunan Rakyat Terengganu di Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Telanai di sini hari ini.

Buniyamin, 56, ketika berceramah politik pada 15 Mac lepas di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan di Pengkalan Chepa, Kelantan, mendakwa kononnya Dr. Mahathir dan cucunya menonton video lucu.

Petikan ceramahnya itu disiarkan oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) baru-baru ini dan susulan daripada itu, tiga aduan polis dibuat di sini, Pasir Mas (Kelantan) dan di Baling, Kedah.

Rabu lepas, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kelantan, ACP Abdul Rahim Jani berkata, polis gagal mendapatkan keterangan daripada Buniyamin yang dipercayai sudah menghilangkan diri dan berada di luar Kelantan.

Semalam, Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat meminta Buniyamin tampil secara sukarela untuk memberi kenyataan bagi membantu siasatan polis kerana tindakan menyembunyikan diri hanya menunjukkan dia bersalah.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, jika Buniyamin berani menyampaikan fitnah kepada orang ramai sehingga dirakamkan dan dijual melalui cakera padat, dia sepatutnya berani tampil memberikan keterangan kepada pihak polis.

Beliau berkata, seruan Nik Aziz supaya Buniyamin tidak bersembunyi tidak memberi apa-apa makna kerana pada hakikatnya Buniyamin kini melarikan diri kerana berbohong.

“Nik Aziz kata Buniyamin patut jumpa polis jangan sembunyi kerana bermakna kita bersalah, kalau pun dia datang sekarang ini hakikatnya dia lari kerana berbohong dan sebar fitnah,” tegas beliau.

Dr. Mahathir kesal kerana sebagai parti yang mendakwa sebuah parti Islam, Pas sanggup membenarkan ahlinya menyebarkan fitnah

meskipun ia lebih buruk daripada membunuh.

“Semua jenis manusia semacam ini terdapat dalam Pas...dalam UMNO tidak ada. Pas sentiasa cuba menipu rakyat,” katanya.

Diminta mengulas lanjut semasa sidang akhbar di Hotel Grand Continental Kuala Terengganu, beliau berkata, Buniyamin begitu jantang dan sombong ketika membuat dakwaan itu.

“Manusia jenis apa sanggup dia mengata saya semacam itu. Saya tengok muka orang yang mendengar itu... (mereka) percaya habis. Demikian berjayanya Pas menghasut pemikiran pengikutnya sehingga mereka tidak boleh mendengar kebenaran, hanya mendengar pemimpin mereka.

“Kalau pemimpin kata putih, putihlah. Kalau Tuhan dikatakan mencarut, samseng mereka terima. Entah apa lagi nak kata pada Tuhan, berdosa cukup besar.

“Kita lihat banyak dosa dalam parti Pas, siapa ikut dan sokong Pas bermakna mereka juga akan berdosa di akhirat kelak,” tambah Perdana Menteri.

Beliau turut menyelar dakwaan Pas bahawa orang ramai yang mengundi parti itu akan dapat masuk syurga kerana kenyataan itu menghinakan agama Islam.

Katanya, kedudukan syurga dan neraka lebih bergantung kepada ibadat dan amalan seseorang dan bukan kerana seseorang itu menjadi ahli Pas dan mengundi parti itu pada pilihan raya.